

|             |                                  |            |         |
|-------------|----------------------------------|------------|---------|
| Headline    | Perebutan takhta kembali terbuka |            |         |
| MediaTitle  | Kosmo Ahad                       |            |         |
| Date        | 18 Feb 2024                      | Language   | Malay   |
| Circulation | 166,774                          | Readership | 500,322 |
| Section     | Sukan                            | Page No    | 47      |
| ArticleSize | 236 cm <sup>2</sup>              | Journalist | N/A     |
| PR Value    | RM 18,375                        |            |         |
|             |                                  |            |         |



## Perebutan takhta kembali terbuka

**JUARA** Piala Sumbangsih, Tenaga Nasional Berhad (TNB) memintas kedudukan Maybank selaku pendahulu Liga Hoki Malaysia (MHL) selepas membelasah Nurinsafi Sporting 5-1 di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil, Kuala Lumpur kelmarin.

Bintang import Korea Selatan, Jang Jong-hyun meledak dua gol, manakala tiga lagi jaringan dihasilkan Norsyafiq Sumantri, Muhammad Danish Aiman Khairul Anuar dan Muhammad Amirul Hamizan Azahar.

Ketua jurulatih TNB, Nor Saiful Zaini Nasiruddin berkata, persaingan merebut kejuaraan liga kembali terbuka selepas Maybank seri 2-2 dengan Kuala Lumpur City, manakala Pasukan Hoki Terengganu (THT) menewaskan UiTM HA-KPT 3-2.



Beliau menjelaskan, barisan pemainnya wajib mencatat kemenangan dalam baki saingan liga musim ini sekiranya berhasrat untuk merampas trofi kejuaraan daripada THT.

"Bila sudah jadi seperti ini, situasi kembali terbuka untuk

TNB, Maybank dan THT. Jika tengok pada jaringan, kita adalah lebih baik, jadi masing-masing perlu berjaga-jaga selepas ini.

"Kita tidak boleh tercicir mata lagi untuk baki perlawanan musim ini, saya mahu pemain-pemain mengambil mata penuh dalam semua perlawanan tersebut.

"Kalau bernasib baik, kita dapat menang kejuaraan liga dan seterusnya mencapai sasaran," katanya ketika dihubungi *Kosmo! Ahad* semalam.



**BARISAN** pemain TNB meraikan kejayaan menewaskan Nurinsafi 5-1 pada aksi MHL di Stadium Hoki Nasional kelmarin. – MHC